

PERSIDANGAN BUKU ANTARABANGSA 2012

KERTAS KERJA:

PERANAN DAN CABARAN INSTITUT TERJEMAHAN & BUKU MALAYSIA MEMAJUKAN INDUSTRI BUKU NEGARA DI PERINGKAT GLOBAL

oleh:

Mohd. Khair bin Ngadiron
Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif
Institut Terjemahan & Buku Malaysia
Wisma ITNM, No. 2, Jalan 2/27E
Seksyen 10, Wangsa Maju
53300 Kuala Lumpur
Tel : 03-4149 7210
E-mel : mkhair@itnm.com.my

Abstrak:

Kertas ini melihat peranan dan cabaran Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM) memajukan industri buku negara di peringkat tempatan dan antarabangsa. Melalui pengalaman ITBM, kerjasama erat diperlukan daripada semua penerbit tempatan untuk menentukan judul yang sesuai dan terbaik. Perancangan yang rapi dengan beberapa rakan kongsi di luar negara merupakan strategi penting bagi merealisasikan usaha ini demi meningkatkan industri terjemahan dan penerbitan Malaysia. Sokongan dan dukungan Kerajaan Malaysia amat dialu-alukan dalam membantu usaha besar ini.

1.0 PENGENALAN

Sewaktu Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (dulu dikenali sebagai Institut Terjemahan Negara Malaysia) ditubuhkan pada 14 September 1993, Jemaah Menteri telah memberikan tanggungjawab kepada institut ini sebagai badan tunggal rasmi di Malaysia yang berfungsi untuk mengendalikan tugas hal ehwal terjemahan, kejurubahasaan dan pemindahan maklumat di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Seiring dengan kerelevanan usaha berterusan ITBM dalam menterjemahkan karya antarabangsa dan mengantarabangsakan karya tempatan, kerajaan telah mengambil keputusan untuk meningkat luaskan mandat ITNM iaitu selain bertindak sebagai *lead agency* dalam industri penterjemahan negara, ia juga kini bertanggungjawab menerbitkan karya asli bagi membantu menggalakkan industri perbukuan negara dengan nama dan penjenamaan baru iaitu Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM).

Sebagai institusi yang diamanahkan untuk memindahkan maklumat ke peringkat antarabangsa, ITBM sewajarnya menggerakkan usaha untuk memasarkan karya-karya tempatan ke persada antarabangsa. Fungsi ini diharapkan dapat menjadi nadi kepada pengeksportan budaya, intelek dan pemikiran masyarakat Malaysia ke arena global dan memungkinkan Malaysia menjadi sumber rujukan budaya dan pemikiran yang unik dan tersendiri. Tambahan lagi, kepelbagaian kaum, budaya dan pemikiran di Malaysia merupakan satu identiti yang unik dan tersendiri.

2.0 PENCAPAIAN

ITBM mula menerbitkan buku semenjak tahun 1995. Sehingga 2011, ITBM telah mengusahakan sebanyak 856 judul buku dalam pelbagai bidang seperti pendidikan, pengurusan, sastera, teknologi maklumat, sains, sains sosial, matematik, seni kreatif, tamadun Islam dan lain-lain. Selain itu, lebih 90% daripada jumlah tersebut adalah karya yang diterjemahkan kepada pelbagai bahasa seperti bahasa Inggeris, Sepanyol, Jerman, Arab, Korea dan banyak lagi. Ia antara usaha yang dilakukan oleh ITBM untuk merangsang minat penerbit dan masyarakat antarabangsa terhadap karya tempatan terutamanya karya sastera kebangsaan (Malaysia).

3.0 USAHA-USAHA ITBM

Dalam tempoh empat tahun kebelakangan ini, ITBM telah berusaha dan sangat komited untuk mengantarabangsakan karya-karya Malaysia terutamanya melalui usaha sama terjemahan dengan institusi atau penerbit luar negara. Di samping itu, bermula pada 2008,

ITBM telah secara bersungguh-sungguh membawa karya-karya Malaysia untuk dipromosikan di Pesta Buku Antarabangsa Frankfurt.

3.1 Usaha Sama dengan Penerbit dan Institusi Luar Negara

Pada 2007, ITBM telah menerbitkan koleksi ucapan gabungan tulisan penulis-penulis Malaysia dan Jerman secara dwibahasa dengan judul *Ingin Sebebas Burung*. Usaha ini telah dilakukan secara bersama dengan Goethe-Institut Malaysia. Ini merupakan langkah awal ITBM untuk memperkenalkan penulis-penulis Malaysia ke peringkat antarabangsa.

Pada 2008, ITBM telah mengadakan usaha sama dengan Horlemann Verlag, sebuah syarikat penerbitan Jerman untuk menerbitkan *Lat the Kampung Boy* karya Dato' Lat dan himpunan cerpen penulis-penulis wanita Malaysia dengan judul *HAWA* ke bahasa Jerman. Kedua-dua karya tersebut telah dilancarkan semasa Pesta Buku Antarabangsa Frankfurt 2008.

Sempena Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2009, ITBM melancarkan buku *Kisah Dongeng dan Cerita Rakyat Malaysia & Jerman* yang juga diterbitkan secara dwibahasa. Usaha ini, sekali lagi adalah terbitan bersama Goethe-Institut Malaysia.

Pada 2010, Selari dengan tujuan untuk melihat dan mempelajari corak penerbitan di Korea, ITBM mengambil inisiatif permulaan menjalinkan kerjasama dengan pihak penerbitan di Korea menerbitkan buku *Nyawa di Hujung Pedang* dan *Antologi Puisi Malaysia* yang diterjemahkan ke bahasa Korea. Kedua-dua penerbitan ini menjadi batu loncatan kepada jalinan kerjasama lebih erat pada masa akan datang antara penerbit Malaysia dan Korea.

Sekali lagi sempena Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2011, ITBM telah melancarkan buku *Tautan (Antologi Puisi Kontemporari Malaysia-Jerman)*, sebuah terbitan usaha sama antara ITBM dan Goethe-Institut Malaysia. Jalinan kerjasama antara ITBM dan Goethe-Institut telah berjaya menghasilkan lima hasil karya terjemahan dalam pelbagai genre sastera seperti novel *Siddhartha* dan antologi cerpen *Ingin Sebebas Burung (Flugversuch)* pada 2007; antologi cerita rakyat berjudul *Kisah Dongeng dan Cerita Rakyat Malaysia & Jerman (Märchen und Volksgeschichten aus Malaysia und Deutschland)*, antologi puisi berjudul *Sajak-sajak daripada Diwan Barat-Timur (Gedichte aus dem West-Östlichen Divan)* pada

2009; dan antologi puisi kontemporari Malaysia-Jerman berjudul *Tautan (Verknüpfungen)* pada 2011.

Pada 2011, ITBM telah menjalin usaha sama penerbitan dengan penerbit Perancis Les Indes Savantes dan melancarkan tiga karya Sasterawan Negara yang diterjemahkan dalam bahasa Perancis iaitu *Rimba Harapan* (Keris Mas), *Hari-hari Terakhir Seorang Seniman* (Anwar Ridhwan) dan *Hujan Pagi* (A. Samad said) di Librairie de l'Asie Culturelle et Religieuse, Paris. Membawa masuk ketiga-tiga karya ini untuk menembusi pasaran Perancis yang merupakan pusat perkembangan sastera Eropah bukanlah suatu kerja mudah dan ITBM berasa bangga kerana dapat melakukan tugas ini dengan memperoleh kepercayaan dan kerjasama erat daripada penerbit Perancis iaitu Les Indes Savantes.

3.2 Terjemahan dan Penerbitan 100 Karya Sastera Malaysia ke Pelbagai Bahasa Antarabangsa

ITBM telah memulakan program penterjemahan karya para sasterawan Malaysia dengan harapan supaya karya tersebut dapat dibaca dalam pelbagai bahasa penting dunia dimulai dengan bahasa Inggeris dan diikuti bahasa utama dunia yang lain.

Projek ini bertujuan untuk memperkenalkan sastera kebangsaan kepada khalayak (penggemar sastera/sarjana/pengkaji/pembaca) serantau dan antarabangsa, selain berhasrat menarik minat mereka mengkaji dan menghayati persuratan Melayu, khususnya sastera kebangsaan (Malaysia).

Selain itu, projek ini antara lain bertujuan mempromosi sastera Malaysia ke peringkat antarabangsa terutamanya melalui pelbagai pameran buku antarabangsa. Usaha ini diharap dapat menyerlahkan kesungguhan dan kecemerlangan Malaysia sebagai sebuah negara bangsa bertamadun.

Bagi memantapkan projek ini, ITBM telah menyasarkan bagi seorang Sasterawan Negara, sekurang-kurangnya empat (4) karya mereka akan diterjemahkan ke pelbagai bahasa. Bagi pemenang S.E.A. Write Awards pula, ITBM menetapkan sekurang-kurangnya dua (2) karya mereka akan diterjemahkan ke pelbagai bahasa dunia. Projek ini dijalankan secara berperingkat dalam tempoh tiga tahun terakhir Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), iaitu mulai 2008 sehingga 2010.

Dengan peruntukan daripada kerajaan yang disalurkan melalui Kementerian Pelajaran Malaysia, ITBM telah melaksanakan penterjemahan sebanyak 100 Judul karya sastera Malaysia ke pelbagai bahasa antarabangsa sehingga penghujung 2010. ITBM percaya usaha ini merupakan titik mula perjuangan untuk mengangkat sastera Malaysia untuk menembusi pasaran buku dunia.

3.3 Penyertaan ITBM di Pesta Buku Antarabangsa Frankfurt

Pesta Buku Antarabangsa Frankfurt yang diadakan setiap tahun semenjak 1948 adalah pesta buku dan pertemuan media terbesar di dunia yang diiktiraf sebagai pusat urus niaga paling penting bagi industri buku antarabangsa, selain menjadi antara platform utama bagi dialog politik dan kebudayaan dunia.

3.3.1 Objektif Penyertaan

- i. Menjual hak cipta buku karya Malaysia untuk diterbitkan dan diterjemahkan penerbit luar yang berminat melalui pembinaan jaringan hubungan antara penggerak industri buku antarabangsa.
- ii. Meninjau ruang dan peluang memasarkan buku Malaysia di luar negara.
- iii. Meninjau, mencontohi serta mempelajari strategi yang digunakan oleh negara lain apabila mempromosikan produk mereka. Sebagai pesta buku terbesar dunia, Pesta Buku Antarabangsa Frankfurt adalah medan utama yang memperlihatkan setiap pempamer bersaing dengan kaedah promosinya masing-masing, bertujuan untuk memancing perhatian kelompok pengunjung sasaran. Hasilnya, ITBM menyifatkan bahawa Pesta Buku Antarabangsa Frankfurt menjadi platform terbaik untuk belajar, mencontohi dan membawa pulang pelbagai idea menarik untuk diguna pakai dan dibuat penambahbaikan bagi memperkemaskan perancangan promosi ITBM, sama ada di peringkat tempatan mahupun antarabangsa, khususnya untuk Pesta Buku Antarabangsa Frankfurt bagi tahun-tahun seterusnya.

3.3.2 Pemilihan *Lead Product*

Lead-product berfungsi sebagai umpan kepada pengunjung memasuki gerai pameran bagi mendapatkan buku yang dijadikan *highlight* utama dan pelbagai buku ITBM yang lain. Dalam masa yang

sama, semua kempen promosi *lead-product* yang hebat dijalankan serentak bagi memastikan pulangan pelaburan berbaloi. Selama tiga tahun menyertai Pesta Buku Antarabangsa Frankfurt, ITBM telah memilih untuk mengetengahkan karya terbitannya iaitu *Ein Frechdachs aus Malaysia (Lat the Kampung Boy)* pada 2008; karya agung *The Epic of Hang Tuah* dan mempromosikan 100 Karya Sastera Malaysia pada 2009; dan buku *Makyung: The Mystical Heritage of Malaysia* pada 2011.

3.4 Pusat Dagangan Hak Cipta di PBAKL

ITBM telah diamanahkan untuk mengendalikan pusat dagangan hak cipta yang julung kali diadakan secara besar-besaran sempena Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2009. Dan usaha tersebut diteruskan pada 2010 dan 2011 dengan ITBM turut menjadi satu antara peserta / pempamer di pusat dagangan hak cipta sempena PBAKL. Penyertaan pusat dagangan hak cipta antara lain bertujuan untuk memperkenalkan karyawan tempatan kepada agensi hak cipta antarabangsa yang aktif mewakili pelbagai negara dan bahasa yang dijemput hadir ketika PBAKL. Selain itu, ia juga dijadikan platform untuk menjual hak cipta buku karya Malaysia untuk diterbitkan dan diterjemahkan oleh penerbit asing yang berminat serta memperkenalkan himpunan karya Sasterawan Negara (SN), pemenang *S.E.A. Write Awards* dan beberapa penulis tempatan melalui pameran Judul Sastera Terpilih Malaysia dalam pelbagai bahasa dunia semasa PBAKL berlangsung.

4.0 REALITI CABARAN DAN PROSPEK

Pelbagai cabaran sudah ditempuh oleh ITBM selama ini dalam usaha menterjemah dan menerbitkan buku terjemahan. Antara cabaran utama yang dihadapi termasuk soal pembiayaan, jualan dan pemasaran, kualiti dan pengiktirafan. Namun cabaran ITBM paling getir ialah mengubah persepsi masyarakat tentang buku terjemahan yang biasanya dianggap banyak kelemahan dan kecacatan. Atas dasar itulah ITBM menganjurkan kursus terjemahan intensif bagi melahirkan penterjemah profesional yang bukan sahaja mempunyai ilmu pengetahuan penterjemahan, malah lengkap dari segi tatasusila ikhtisas atau *profesional code*. Bagaimanapun, bagi setiap cabaran yang dihadapi, ITBM bertekad dan tegas mencari langkah positif bagi

mengubah cabaran tersebut kepada suatu prospek yang bukan sahaja dapat mengatasi cabaran tersebut tetapi pada masa yang sama dapat meraih manfaat dan keuntungan daripadanya.

4.1 Kos Penerbitan

Kos penerbitan bagi buku terjemahan adalah lebih tinggi berbanding kos penerbitan buku karya asli, disebabkan oleh dua faktor kos tambahan iaitu bayaran hak cipta dan bayaran penterjemah. Sebagai sebuah syarikat yang bertanggungjawab membuat keuntungan bagi membiayai kos operasinya, ITBM perlu memikirkan pulangan bagi setiap buku yang diterbitkan. Oleh itu, ITBM menghadapi dilema dalam soal tanggungjawab sosial menerbitkan buku bagi tujuan penyebaran ilmu tetapi pada masa sama memastikan pulangan dari segi kewangan.

Oleh itu, ITBM bercadang menjadi Pusat Permohonan Hak Cipta di Malaysia bagi buku-buku bahasa asing yang diterbitkan di luar negara dan ingin diterjemahkan ke bahasa Melayu serta buku tempatan yang mahu diterjemahkan ke bahasa asing. Oleh itu, ITBM bukan sahaja akan bertindak sebagai penasihat kepada mana-mana penerbit malah akan memperjuangkan bayaran hak cipta yang dirundingkan, iaitu bayaran hak cipta buku penerbit luar negara akan cuba dikurangkan tetapi bayaran hak cipta buku penerbit dalam negara yang mahu diterjemahkan oleh penerbit luar akan cuba dinaikkan. Langkah ini juga diharap dapat membantu kerajaan mengurangkan pengaliran mata wang Malaysia ke luar negara.

4.2 Pemilihan Judul Buku

Perkara ini nampak seperti mudah, tetapi kebanyakan judul yang dijangka akan mendapat sambutan hangat tetap gagal di pasaran. Bagi mengatasi masalah tersebut, ITBM seperti penerbit lain juga mempunyai jawatankuasa pemilihan judul yang terdiri daripada pakar bidang berkaitan buku yang dicadangkan. Namun kadangkala memilih buku dengan cara begini belum tentu bermaksud buku yang dipilih itu sesuai. Pakar-pakar bidang lain mungkin tidak bersetuju dengan pemilihan tersebut.

ITBM juga membuat perolehan judul buku terjemahan hasil daripada penyertaan pameran-pameran buku di luar negara. ITBM akan menghantar wakil yang akan mengunjungi setiap gerai pameran untuk melihat judul yang

berpotensi untuk diterjemahkan. Selain memilih judul daripada katalog penerbit, ada juga beberapa penerbit yang mencadangkan beberapa buku yang wajar diterbitkan.

Manakala bagi memastikan produk keluaran ITBM dapat menarik perhatian pembeli luar negara, ITBM berusaha untuk menerbitkan karya terjemahan yang berbilang judul dalam satu genre. Contohnya penerbitan penterjemahan 100 Karya Sastra yang siap proses penerbitannya pada tahun 2010. Hal ini kerana pengunjung dan penerbit luar negara lebih tertarik dengan penerbit yang mempunyai banyak judul dalam satu-satu genre. Biasanya daripada 100 judul yang diterbitkan, penerbit luar akan membeli hak lesen penerbitan terjemahan antara 20 judul. Jumlah ini amat memadai dalam usaha ITBM mengantarabangsakan karya tempatan.

Walau bagaimanapun, ITBM tetap menyedari bahawa tidak semua judul berupaya menjadi *bestseller* di pasaran. Semua penggerak industri buku memahami bahawa faktor magis tetap diperlukan untuk menjadikan sesebuah judul itu *bestseller*.

4.3 Pasaran dan Pemasaran Buku Terjemahan

ITBM menghadapi cabaran memastikan semua buku yang sudah diterjemah dan diterbitkan habis dijual di pasaran. Perancangan pemasaran ITBM sentiasa disemak dan dikaji semula bagi memastikan matlamat ini tercapai. Antara sebab jualan buku (bukan sahaja buku terjemahan) kurang mendapat sambutan di Malaysia ialah sikap pelajar dan orang ramai yang lebih gemar membuat salinan fotokopi buku daripada membeli buku asal. Selain menyalahi Akta Hak Cipta, sikap ini juga tidak membantu industri penerbitan buku di negara kita. Selain itu, pasaran buku berbahasa Melayu hanya khusus untuk permintaan dalam negara dan hampir tiada permintaan di peringkat antarabangsa.

Justeru itu, dalam hal pemasaran buku terjemahan, ITBM menyedari bahawa pasaran tersebut masih lagi “lautan biru” di Malaysia yang belum diterokai. Berbeza dengan terjemahan buku ke bahasa Cina dan komik yang sudah banyak diterjemahkan ke bahasa Melayu. Melihat masih banyak ruang yang boleh ditampung oleh ITBM, kami berusaha sedaya upaya bagi memastikan pasaran buku terjemahan mendapat tempat di rangkaian kedai buku di

Malaysia dengan menerbitkan lebih banyak judul terjemahan yang berkualiti. Bagi memastikan hal ini direalisasikan, ITBM menyeru kepada penerbit lain turut bekerjasama mendorong kepada perkembangan sektor ini selain memastikan karya terjemahan mempunyai prestij tersendiri dalam kalangan pembaca.

Manakala bagi memasarkan karya terjemahan bahasa asing terbitan ITBM ke peringkat antarabangsa, ia memerlukan kerjasama dengan beberapa agensi luar negara. Agensi luar negara lebih tertarik untuk memilih judul buku yang berbentuk Malaysiana, yang lebih menonjolkan ciri-ciri tempatan. Contohnya, di Pesta Buku Antarabangsa Frankfurt 2008, buku *Lat the Kampung Boy* karya Dato' Lat dijadikan *lead-product* ITBM. Manakala pada 2010, ITBM sekali lagi membawa karya berbentuk Malaysiana, iaitu buku *Makyung: The Mystical Heritage of Malaysia* untuk diketengahkan sebagai lead product di Pesta Buku Antarabangsa Frankfurt.

4.2 Pemerkasaan Jalinan Kerjasama antara Penerbit dengan Agensi Kerajaan

Selain mendapat kerjasama penuh daripada Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM) yang merupakan platform antara penerbit buku dengan kerajaan, masih belum banyak sokongan yang dihulurkan oleh kerajaan dalam membangunkan industri penterjemahan di Malaysia.

Hal ini jelas terbukti dalam senarai jenis industri yang didukung oleh Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC), industri penerbitan buku ilmu tidak disenaraikan. Sedangkan industri yang membekalkan peralatan pendidikan seperti industri perabot sekolah termasuk dalam senarai SMIDEC. Keadaan ini berbeza dengan industri perfileman yang senantiasa mendapat dana Skim Pembiayaan Filem Cereka (SPFC) yang diuruskan oleh SME Bank.

Begitu juga dengan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Negara (MATRADE) yang memberikan kerjasama penuh kepada ITBM semasa Pesta Buku Antarabangsa Frankfurt 2008. MATRADE sebagaimana SMIDEC tidak mempunyai program sokongan yang khusus kepada industri buku mahupun terjemahan sedangkan dagangan buku ternyata sangat berbeza dengan industri lain. Walau bagaimanapun, selepas 10 tahun MATRADE

“membuka lorong” dagangan buku Malaysia di Pesta Buku Antarabangsa Frankfurt, pada 2009 dan 2010, ITBM diberikan kepercayaan penuh untuk mengetuai delegasi penerbit buku tempatan di sana. Namun MATRADE tetap memberikan kerjasama penuh untuk memastikan dagangan buku Malaysia dapat menjadi sumber utama nilai perdagangan negara.

4.3 Usaha Sama dengan Penerbit Antarabangsa

Sebagai badan tunggal yang menjalankan penterjemahan ilmu, ITBM telah menjalankan banyak kerjasama dengan pelbagai penerbit antarabangsa dan ejen hak cipta di setiap rantau. Kebanyakan penerbit antarabangsa dan ejen hak cipta telah membina jaringan dengan ITBM hasil penyertaan ITBM di Pesta Buku Antarabangsa Frankfurt sejak 2008. Kebanyakan mereka adalah pempamer aktif yang setiap tahun berada di Pesta Buku Antarabangsa Frankfurt. Antara agensi yang sentiasa bekerjasama dengan ITBM adalah Goethe-Institut Malaysia (Jerman), Munhaekmaeul (Korea), dan Horlemann Verlag (Jerman). Perbincangan juga sedang dijalankan dengan penerbit dari negara lain seperti Perancis, Itali, Australia dan New Zealand untuk menerbitkan buku karya Malaysia secara usaha sama. Hasilnya, pada 2011, selepas selesai melaksanakan misi di Pesta Buku Antarabangsa Frankfurt, ITBM bersama rakan usaha sama penerbit Perancis Les Indes Savantes telah melancarkan tiga karya Sasterawan Negara yang telah dipilih oleh penerbit tersebut dan diterjemahkan ke bahasa Perancis di Librairie de l'Asie Culturelle et Religieuse, Paris iaitu *Rimba Harapan* (Keris Mas), *Hari-hari Terakhir Seorang Seniman* (Anwar Ridhwan) dan *Hujan Pagi* (A. Samad Said).

Selain itu, ITBM turut berusaha untuk menjalinkan kerjasama erat dengan penerbit di rantau Asia yang mempunyai populasi penduduk tertinggi di antara semua benua, iaitu 3.8 bilion orang. Di negara Asia Tenggara sahaja terdapat populasi penduduk sebanyak 575.5 juta orang. Sekiranya lima peratus daripada seluruh populasi ini membaca karya Malaysia, hasrat untuk mengantarabangsakan karya Malaysia akan tercapai. Mutakhir ini, Vietnam adalah negara yang pesat membangun di rantau ini selain China. Maksudnya, negara itu menjadi lubuk terbaik untuk memasarkan karya Malaysia di sana. Hasilnya, pada 2010, ITBM berjaya menjalin usaha sama dengan penerbit dari Korea, Munhaekmaeul menerbitkan dua judul sastera

iaitu novel *Nyawa di Hujung Pedang* karya Ahmad Murad Nasaruddin dan *Antologi Puisi Malaysia* dalam bahasa.

4.4 Dana dan Pembiayaan

Faktor kewangan merupakan antara kekangan paling besar yang dihadapi dalam usaha memajukan industri perbukuan negara di peringkat global. Sebagai sebuah syarikat berhad berkaitan kerajaan, ITBM perlu mengambil kira soal keuntungan dan manfaat yang boleh dicapai melalui usaha memasarkan karya tempatan ke peringkat antarabangsa bagi memastikan kelangsungan usaha ini berterusan tanpa terhenti di tengah jalan. Selain itu, sumber kewangan tetap dengan nilai pembiayaan yang agak tinggi diperlukan jika mahu melantik pengedar atau agensi berkaitan di luar negara bagi memasarkan karya Malaysia di negara mereka. Namun, setakat ini, masih belum ada pihak – sama ada kerajaan mahupun pihak swasta – yang bersedia untuk menaja atau memberikan dana bagi merealisasikan usaha memasarkan karya tempatan ke peringkat antarabangsa.

Bagaimanapun, untuk mengatasi serba sedikit kekangan tersebut, ITBM antara lain mengambil langkah dengan menjalinkan usaha sama dan membina rakan perkongsian pintar dengan penerbit di luar negara bagi memasarkan buku karya terjemahan. Ini termasuk menjalin usaha sama penerbitan dengan agensi dan penerbit luar seperti Goethe-Institut Malaysia, syarikat penerbitan Jerman Horlemann Verlag, penerbit Korea Munhaekmaeul, dan penerbit Perancis Les Indres Savantes.

5.0 KESIMPULAN

Usaha memasarkan karya-karya Malaysia di peringkat global perlu dilakukan bersungguh-sungguh demi memastikan pemikiran, budaya dan intelektual Malaysia dapat dikongsi semua di peringkat tempatan mahupun antarabangsa. Justeru, semua pihak perlu berganding bahu untuk memastikan keberkesanan usaha ini. Gandingan mantap agensi kerajaan seperti ITBM, MBKM, DBP dan MATRADE mampu membuka langkah untuk memulakan usaha murni ini. Adalah diharapkan suatu waktu nanti penulis-penulis Malaysia dan karya mereka akan mendapat tempat lebih selesa serta dikenali di persada antarabangsa.